

**PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN BOLA SEPAK
SUKAN SABAH (SAGA) XI, TAWAU 2025
(LELAKI DAN WANITA)**

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang Permainan Bola Sepak, **Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dan Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA)**.
- 1.2 Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada **Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
- 1.3 Persatuan Bolasepak Sabah (SAFA) akan bertanggungjawab di dalam organisasi teknikal dan seluruh kawalan serta pengurusan pertandingan.
- 1.4 Persatuan Bolasepak Sabah akan melantik seorang Pengarah Pertandingan/Teknikal (*General Coordinator*), Venue Kordinator, Pengerusi Disiplin, Pengerusi Pengadil serta Pegawai yang perlu untuk menguruskan pengelolaan pertandingan.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

- 2.1 Pertandingan akan bermula pada **11 hingga 17 Oktober 2025**.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan akan diadakan seperti berikut:
 - 3.1.1 Lelaki:
 - 3.1.1.1 Padang A, Kompleks Sukan Tawau**
 - 3.1.1.2 Padang SMK Kuhara, Tawau**
 - 3.1.1.3 Padang SMK Pasir Putih, Tawau**
 - 3.1.2 Wanita:
 - 3.1.2.1 Padang SK Jambatan Putih, Tawau**
 - 3.1.2.2 Padang Kukusan, Tawau**
 - 3.1.2.3 SK Bahagia, Tawau**

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan hanyalah kepada semua daerah penuh di Negeri Sabah sahaja.
- 4.2 Daerah-daerah yang mengambil bahagian hendaklah menghantar borang penyertaan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.
- 4.3 Daerah-daerah yang menyertai pertandingan secara automatik mematuhi perkara-perkara berikut:
 - 4.3.1 Mematuhi undang-undang permainan dan peraturan badan yang mengelola.
 - 4.3.2 Menerima keputusan pentadbiran, disiplin dan kepengadilan berkaitan pertandingan yang diputuskan oleh Pegawai SAFA yang bertanggungjawab seperti yang termaktub dalam peraturan pertandingan bola sepak.

- 4.3.3 Menerima semua kemudahan yang disediakan oleh tuan rumah, penganjur (Majlis Tertinggi Sukan Sabah) 2025, Majlis Sukan Negeri Sabah, SAFA berkaitan penginapan dan lain-lain.
- 4.3.4 Mematuhi dan menghormati motto '*FAIR PLAY*'.
- 4.3.5 Semua Pegawai, pemain membenarkan gambar yang berkaitan pertandingan ini diterbitkan dalam media massa atau televisyen.

5.0 PENTADBIRAN DAN ORGANISASI

- 5.1 Persatuan Bola Sepak Sabah (SAFA) bertanggungjawab di atas persediaan stadium perlawanan, padang latihan dan kemudahan yang perlu adalah mengikut spesifikasi seperti yang terkandung dalam peraturan FAM dan FIFA.
- 5.2 Jawatankuasa Induk Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 akan bertanggungjawab diatas persediaan penginapan dan makan serta pengangkutan pasukan.
- 5.3 SAFA akan mengadakan Mesyuarat Pengurus-pengurus pasukan sehari (1) sebelum bermula pertandingan bola sepak.

6.0 KELAYAKAN PEMAIN & PEGAWAI SUKAN

- 6.1 Pendaftaran dan kelayakan peserta adalah tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 4.8 dan Perkara 4.9**.
- 6.2 **Kelayakan jurulatih pasukan sekurang-kurangnya memiliki Sijil Kejurulatihan FAM 'D' manakala untuk jurulatih penjaga gol memiliki Sijil Asas Penjaga Gol.**
- 6.3 Pemain yang lahir pada **2005 hingga 2010** lelaki dan wanita sahaja yang layak bermain dalam pertandingan ini. Pasukan yang bertanding adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan peraturan had umur dipatuhi.
- 6.4 Semua pasukan hendaklah mengemukakan salinan Kad Pengenalan dan gambar berukuran pasport semasa pendaftaran peserta.
- 6.5 Semua pasukan hendaklah mendaftar pemain-pemain yang terdiri daripada warganegara Malaysia yang mengambil bahagian dalam pertandingan dengan Persatuan. Pendaftaran pemain-pemain hendaklah dibuat dalam borang GF3.
- 6.6 Tiap-tiap pemain yang hendak menyertai daerah yang lain hendaklah menjadi pemain persatuan/kelab gabungan mana-mana persatuan sukan di daerah berkenaan selama enam (6) bulan sebelum tarikh Sukan Sabah.

7.0 PENDAFTARAN PEMAIN

- 7.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar 1 pasukan lelaki dan 1 pasukan wanita seperti berikut:

	Lelaki	Wanita
Pengurus Pasukan	1 orang	1 orang
Jurulatih Pasukan	3 orang	3 orang
Peserta	23 orang	23 orang
Jumlah	27 orang	27 orang

- 7.2 Jawatan empat (4) orang Pegawai hendaklah disebutkan di dalam borang.
- 7.3 Pasukan-pasukan hanya dibenarkan mendaftar dua puluh tiga (23) orang pemain dan empat (4) orang Pegawai pada Mesyuarat Pengurus Pasukan. Pemain-pemain ini hendaklah terdiri dari dua puluh tiga (23) orang pemain yang telah didaftarkan dalam pendaftaran asal.
- 7.4 Setiap pasukan hendaklah menghantar senarai pertama dua puluh tiga (23) orang pemain sebelum **18 Mei 2025** ke Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Sabah XI, Tawau 2025. Senarai pendaftaran ini hendaklah disertakan dengan butiran dan maklumat seperti berikut:
 - 7.4.1 Nama penuh pemain, posisi dan empat (4) orang Pegawai serta jawatan.
 - 7.4.2 Tarikh dan tempat dilahirkan.
 - 7.4.3 Nombor jersi, 1 hingga 23 (tidak boleh ditukar sehingga pertandingan selesai).
 - 7.4.4 Salinan Kad Pengenalan atau dokumen yang berkaitan.
- 7.5 Pasukan tidak dibenarkan membuat pendaftaran dan pembatalan pemain selepas tarikh tutup pendaftaran.
- 7.6 Setelah senarai dua puluh tiga (23) orang disahkan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan, pendaftaran baru hanya dibenarkan kepada penjaga gol sahaja diatas sebab-sebab kecederaan. Pendaftaran hanya boleh dibuat setelah mendapat pengesahan dari doktor Persatuan Bola Sepak Sabah (SAFA).
- 7.7 Semua pasukan diminta mengisytiharkan warna jersi, seluar, stokin dan warna jersi penjaga gol yang dipakai semasa menjadi tuan rumah (di dalam pertandingan ini nama pasukan yang disebut dahulu adalah tuan rumah dan yang kedua adalah pasukan pelawat). Jika terdapat persamaan warna jersi setelah disahkan oleh Pengadil Perlawanan, pasukan pelawat hendaklah menukar jersi. Walau bagaimanapun pasukan adalah **Wajib** membawa dua (2) set jersi yang berlainan warna/corak untuk diperiksa semasa mesyuarat pengurus-pasukan.
- 7.8 Nombor jersi yang dibenarkan adalah dari 1 hingga 23 sahaja. Nombor jersi ini tidak boleh ditukar setelah didaftarkan semasa pendaftaran asal. Saiz nombor jersi yang dibenarkan adalah sepuluh (10) inci tinggi di bahagian belakang dan sepuluh (10) sentimeter tinggi di bahagian hadapan jersi dan sebelah kanan, hadapan seluar.
- 7.9 Pasukan yang menyertai pertandingan ini boleh menggunakan nama penaja pada jersi seperti yang disyaratkan dalam peraturan pertandingan FAM, asalkan ianya tidak bercanggah dengan peraturan FIFA dan Majlis Olimpik Malaysia.

8.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 8.1 Undang-undang permainan hendaklah mengikut undang-undang terkini yang berkuatkuasa, sebagaimana yang telah diputuskan oleh Lembaga Persatuan Bola Sepak Antarabangsa dan diterbitkan oleh FIFA.
- 8.2 Sekurang-kurangnya tiga puluh (30) minit sebelum bermulanya perlawanan, tiap-tiap pasukan hendaklah mengemukakan nama sebelas (11) pemain dan tujuh (7) pemain simpanan di 'start list' yang diedarkan oleh urusetia.

- 8.3 Hanya lima (5) pertukaran pemain dari tujuh (7) orang pemain simpanan sahaja dibenarkan semasa setiap perlawanan.
- 8.4 Ketua pasukan hendaklah memakai lilitan lengan yang nyata di lengan kiri jersinya. Sekiranya ketua pasukan diganti, maka lilitan lengan tersebut hendaklah diberi kepada ketua pasukan yang dilantik.

9.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 9.1 Dimana penyertaan terdiri daripada 30 daerah, maka pusingan kelayakan diperingkat zon akan dijalankan iaitu zon Pantai Barat Selatan, Pantai Barat Utara, Tawau, Sandakan, Pedalaman Atas dan Pedalaman bawah. Pusingan liga kumpulan akan ditentukan secara berikut:
 - 9.1.1 Jumlah mata (menang 3 mata, seri 1 mata);
 - 9.1.2 Perbezaan jaringan gol;
 - 9.1.3 Jumlah jaringan gol tertinggi;
 - 9.1.4 **Keputusan perlawanan liga (rekod perlawanan / pertemuan diantara kedua pasukan);**
 - 9.1.5 Sepakan dari tanda Penalti.
- 9.2 Johan kumpulan pasukan kategori lelaki dalam setiap kumpulan dan Naib Johan kumpulan Pantai Barat Selatan (PBS) akan layak ke pusingan Akhir. Tuan Rumah (Penganjur SAGA) akan layak secara automatik ke pusingan Akhir. **(TBC)**
- 9.3 Johan kumpulan pasukan kategori wanita dalam setiap kumpulan dan Naib Johan kumpulan Pantai Barat Selatan (PBS) akan layak ke pusingan Akhir. Tuan Rumah (Penganjur SAGA) akan layak secara automatik ke pusingan Akhir. **(TBC)**
- 9.4 Lapan (8) pasukan yang layak ke pusingan Akhir akan dibahagikan kepada dua (2) kumpulan dan akan bermain secara Liga Kumpulan. Penentuan Juara dan Naib Juara kumpulan akan diambil kira seperti para 9.1.
- 9.5 Empat (4) pasukan akan main dalam perlawanan Separuh Akhir secara sistem Kalah Mati dan pasukan yang menang layak ke perlawanan Akhir, manakala dua (2) pasukan yang kalah dalam perlawanan Separuh Akhir akan bermain untuk menentukan tempat ketiga dan keempat.
- 9.6 Di dalam perlawanan Kalah Mati jika kedudukan seri selepas sepenuh masa, untuk kategori lelaki maka tambahan masa tiga puluh (30) minit (15x15) akan dimainkan. Manakala untuk kategori wanita tambahan masa dua puluh (20) minit (10x10). Jika masih lagi seri, maka sepakan dari tanda penalti akan dilaksanakan (mengikut peraturan SAFA/FAM/FIFA).

10.0 MASA PERLAWANAN

- 10.1 Masa perlawanan untuk lelaki akan dimainkan selama 90 minit terbahagi kepada dua bahagian dimana setiap bahagian adalah 45 minit seperti yang diperuntukan dalam

undang-undang permainan. Masa rehat yang dibenarkan semasa perlawanan tidak lebih dari lima belas (15) minit.

- 10.2 Masa Perlawanan untuk wanita adalah tujuh puluh (70) minit (35x35), rehat 15 minit.
- 10.3 Dalam perlawanan kalah mati, jika keputusan sepenuh masa adalah seri maka masa perlawanan akan ditambah tiga puluh (30) minit (15x15) untuk lelaki manakala dua puluh (20) minit (10x10) untuk wanita. Jika tiada keputusan semasa masa tambahan, maka sepakan dari tanda penalti seperti yang diperuntukan dalam peraturan FIFA akan dilaksanakan.

11.0 TINDAKAN TATATERTIB

- 11.1 SAFA akan melantik seorang Pengerusi Disiplin Pertandingan.
 - 11.1.1 Pemain akan digantung automatik satu (1) perlawanan jika menerima dua (2) kad kuning (amaran bertulis);
 - 11.1.2 Pemain akan digantung automatik dua (2) perlawanan jika menerima terus Kad Merah (Perintah Keluar Padang);
 - 11.1.3 Pemain akan digantung automatik keseluruhan pertandingan jika menerima Kad Merah kerana berkelakuan ganas. Lembaga Disiplin akan menentukan status pemain tersebut;
 - 11.1.4 Semua Kad Kuning dan Kad Merah yang diterima pada Pusingan Kelayakan akan dibawa ke pusingan Akhir;
 - 11.1.5 Pengurus Pasukan adalah bertanggungjawab dalam hal pendaftaran pemain;
 - 11.1.6 Tindakan akan diambil kepada pasukan yang mendaftar pemain yang tidak layak.

12.0 BANTAHAN

- 12.1 Prosedur bantahan adalah seperti berikut:
 - 12.1.1 Menghantar surat bantahan kepada Setiausaha Pengelola melalui Pengarah Pertandingan dalam masa enam puluh (60) minit selepas tamat perlawanan, dan bersertakan **RM 500.00** (Lima Ratus Ringgit).
- 12.2 Keputusan bantahan yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib adalah muktamad.

13.0 PENGADIL

- 13.1 SAFA akan melantik semua Jawatankuasa Pengadil Pertandingan yang terdiri dari seorang (1) Pengerusi, dua (2) orang ahli.
 - 13.1.1 Semua pelantikan Pengadil adalah tanggungjawab SAFA.
 - 13.1.2 Keputusan Pengadil adalah muktamad.

14.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN/ MENARIK DIRI/MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA

- 14.1 Sekiranya Pengadil membuat keputusan untuk menunda perlawanan disebabkan oleh keadaan padang atau cuaca maka perlawanan akan bersambung semula dengan baki masa yang tinggal. Kedudukan skor dan status pemain semasa perlawanan dihentikan Kekal. Perlawanan akan diadakan pada keesokan harinya di sebelah pagi atau masa akan ditetapkan oleh Pengarah Pertandingan.
- 14.2 Sekiranya Pengadil menghentikan perlawanan kerana sikap penonton, pegawai atau pemain satu pasukan yang tidak memuaskan, maka kemenangan akan diberi kepada pasukan yang lain dengan tiga (3) mata dan jaringan gol 3-0 atau jaringan semasa perlawanan dihentikan, jika ianya lebih.
- 14.3 Denda **RM 500.00** (Lima Ratus Ringgit) akan dikenakan kepada yang terlibat.
- 14.4 Sekiranya pasukan menarik diri daripada perlawanan, pasukan tersebut akan dikenakan tindakan seperti berikut :
 - 14.4.1 Jika pasukan tidak melaporkan diri untuk satu (1) perlawanan kecuali dalam hal bencana alam dan sebab-sebabnya kemudian diterima oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Bola Sepak 2025 atau jika pasukan tersebut enggan meneruskan permainan atau meninggalkan padang sebelum tamatnya perlawanan, maka pasukan yang ingkar itu dianggap telah kalah dan kemenangan diberikan kepada lawannya dengan jaringan gol 3-0 atau lebih kiranya itulah jaringan gol pada saat meninggalkan padang. Pasukan tersebut boleh disekat daripada terus mengambil bahagian didalam pertandingan ini.
- 14.5 Dalam apa jua keadaan sesekali pun memberi kemenangan percuma tidak dibenarkan. Jika terdapat mana-mana pasukan melakukan kesalahan ini maka tindakan yang sama dalam para 14.3, 14.4 dan 14.4.1 akan digunakan.
- 14.6 Mana-mana pasukan yang gagal menamatkan jadual perlawanannya dalam pertandingan tanpa mendapat persetujuan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan 2025, maka pasukan tersebut dikira terkeluar daripada pertandingan dan keputusan perlawanan-perlawanan yang terdahulu dikira batal dan dihadapkan ke Jawatankuasa Tatatertib SAFA.
- 14.7 Sekiranya kurang dari sembilan (9) orang pemain dari salah satu pasukan turun ke padang apabila Pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang diiklankan, maka pasukan yang mempunyai sepuluh (10) pemain atau lebih di padang hendaklah diberi kemenangan percuma dengan jaringan gol 3-0. jika kedua-dua pasukan tidak dapat menurunkan sembilan (9) orang pemain atau lebih apabila Pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang diiklankan, maka pengadil akan melaporkan perkara tersebut kepada Jawatankuasa Pertandingan untuk mengambil tindakan seterusnya.

15.0 KESELAMATAN

- 15.1 Pihak Pengelola bertanggungjawab di atas penyediaan dan kelengkapan peralatan dan pegawai keselamatan kepada pemain-pemain semasa permainan seperti di dalam jadual.
- 15.2 Pihak Pengelola tidak bertanggungjawab di atas kehilangan peralatan, barang, wang tunai atau lain-lain peralatan kepunyaan pasukan semasa latihan dan semasa perlawanan.

16.0 HADIAH

- 16.1 Hadiah disediakan seperti berikut :

Kategori	Emas	Perak	Gangsa
Lelaki	1 (23)	1 (23)	1 (23)
Wanita	1 (23)	1 (23)	1 (23)
Jumlah	2 (46)	2 (46)	2 (46)

- 16.2 Pemberian Pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada **Peraturan Tetap 14.3**.

17.0 HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKAN

- 17.1 Segala hal yang tidak diperuntukan dibawah peraturan-peraturan ini atau soal perbezaan tafsiran akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 SAFA, FAM, FIFA dan keputusan tersebut adalah muktamad.